



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
LEMBAGA PEPERIKSAAN

**JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS
JADUAL WAKTU UJIAN BERTUTUR
JADUAL WAKTU UJIAN MENDENGAR**

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA ULANGAN
2022**

**LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN DAN ARAHAN PEPERIKSAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA ULANGAN
2022**

**BAHAGIAN A
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI (JPN) - ARAHAN AM**

Pihak JPN hendaklah:

1. memuat turun Jadual Waktu Peperiksaan Bertulis, Jadual Waktu Ujian Bertutur dan Ujian Mendengar Sijil Peperiksaan Malaysia Ulangan (SPMU) 2022 dari portal rasmi Lembaga Peperiksaan (<http://lp.moe.gov.my>).
2. mencetak dan mengedarkan Jadual Waktu Peperiksaan SPMU 2022 kepada semua calon persendirian.
3. memberitahu calon tentang Garis Panduan dan Arahan Peperiksaan yang dinyatakan dalam Jadual Waktu Peperiksaan Bertulis, Jadual Waktu Ujian Bertutur dan Ujian Mendengar SPMU 2022 sebelum peperiksaan.
4. menyemak bahan peperiksaan yang diterima menepati keperluan menjawab kertas peperiksaan yang ditawarkan pada tahun semasa.
5. merujuk kepada buku Panduan Pengurusan Pusat Peperiksaan Bertulis dan buku Panduan Pengurusan Peperiksaan serta Garis Panduan Pengurusan Peperiksaan SPMU Tahun 2022 yang telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan.

**BAHAGIAN B
ARAHAN AM KEPADA:
KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN
KETUA PENTAKSIR PUSAT UJIAN (1103/3)**

Ketua Pengawas Peperiksaan/Ketua Pentaksir Pusat Ujian hendaklah:

1. memastikan semua Garis Panduan dan Arahan Peperiksaan dalam Jadual Waktu Peperiksaan Bertulis, Jadual Waktu Ujian Bertutur dan Ujian Mendengar SPMU 2022 dimaklumkan kepada calon.
2. meminta semua calon untuk memeriksa dan memastikan calon tidak membawa masuk bahan-bahan terlarang seperti yang termaktub dalam Bahagian C, Perkara 7 Larangan di Dewan/Bilik Peperiksaan/Bilik Menunggu/Bilik Ujian/Bilik Kuarantin.
3. memberi taklimat ringkas kepada calon semasa calon berada di Bilik Menunggu bagi Ujian Bertutur.
4. mencatatkan pada papan tulis dan memaklumkan kepada calon butiran kod kertas, nama kertas, waktu, masa peperiksaan dan *errata* (jika ada) bagi kertas peperiksaan bertulis.
5. membenarkan kalkulator dibawa masuk ke dewan/bilik peperiksaan.

6. mengedarkan kertas peperiksaan mengikut tarikh dan waktu yang tercatat dalam Jadual Waktu Peperiksaan Bertulis, Jadual Waktu Ujian Bertutur dan Ujian Mendengar SPMU 2022.
7. mengedarkan kertas peperiksaan dengan muka hadapan kertas peperiksaan di sebelah atas.
8. mengarahkan calon supaya menyemak butiran kod kertas, nama kertas, masa peperiksaan dan arahan pada muka hadapan kertas peperiksaan bagi memastikan calon mendapat kertas peperiksaan yang betul.
9. mengedarkan kertas jawapan mengikut keperluan mata pelajaran seperti yang tercatat pada muka hadapan kertas peperiksaan.
10. memastikan calon mengemukakan dokumen sokongan seperti surat perakuan doktor sebagai bukti calon tidak dapat menduduki mana-mana kertas peperiksaan.
11. memastikan bilangan skrip jawapan peperiksaan yang dikumpul dan dicatat pada borang **LP/Am 29** akur dengan bilangan calon dalam **Buku Rekod Pengawasan Peperiksaan (BRP) LP/Am 25** bagi sesuatu kertas peperiksaan.
12. menyediakan laporan menggunakan Borang LP/Am 30 sekiranya calon melanggar sebarang peraturan peperiksaan pada Bahagian C, Perkara 7 Larangan di Dewan/Bilik Peperiksaan/Bilik Menunggu/Bilik Ujian/Bilik Kuarantin.
13. memastikan calon mengisi Borang LP/Am 31 sekiranya calon melanggar sebarang peraturan peperiksaan pada Bahagian C, Perkara 7 Larangan di Dewan/Bilik Peperiksaan/Bilik Menunggu/Bilik Ujian/Bilik Kuarantin.
14. merujuk kepada buku Panduan Pengurusan Pusat Peperiksaan Bertulis dan buku Panduan Pengurusan Peperiksaan serta Garis Panduan Pengurusan Peperiksaan SPMU Tahun 2022 yang telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan.

BAHAGIAN C

CALON - ARAHAN, AMARAN, LARANGAN DAN PERINGATAN

1. ARAHAN AM

- 1.1 Calon **wajib** menduduki semua kertas peperiksaan bagi mata pelajaran yang didaftar. Calon yang tidak dapat menduduki mana-mana kertas peperiksaan bertulis, ujian mendengar atau melaksanakan ujian bertutur akan dianggap **TIDAK HADIR** bagi mata pelajaran berkenaan. Calon yang tidak dapat menduduki atau tidak hadir sesuatu kertas peperiksaan dikehendaki mengemukakan dokumen sokongan seperti surat perakuan doktor atau surat kebenaran khas Pengarah Peperiksaan. Dokumen sokongan ini hendaklah diserahkan kepada Ketua Pengawas Peperiksaan sebelum tamat tempoh peperiksaan SPMU 2022.
- 1.2 Calon hendaklah menyemak butiran pada **Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan** sebelum peperiksaan. Calon hendaklah memaklumkan kepada pihak JPN sekiranya terdapat kesilapan maklumat dan mengisi Borang Pembetulan Maklumat Calon. Calon dikenakan bayaran **RM 30.00**. Pembayaran hendaklah dibuat kepada pihak JPN atas nama **Akauntan Negara Malaysia** menggunakan Kiriman Wang/Wang Pos.

- 1.3 Calon hendaklah mengemukakan **Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan** kepada Ketua Pengawas Peperiksaan di pusat peperiksaan selain dari pusat peperiksaan asal calon. Ketua Pengawas Peperiksaan hendaklah menyemak maklumat calon dan maklumat mata pelajaran sebelum membenarkan calon menumpang di pusat peperiksaan seliaannya.
- 1.4 Calon hendaklah membaca Garis Panduan dan Arahan Peperiksaan yang dinyatakan dalam Jadual Waktu Peperiksaan Bertulis, Jadual Waktu Ujian Bertutur dan Ujian Mendengar SPMU 2022 dan menandatangani Borang Pengakuan Calon.

2. ARAHAN DI DEWAN/BILIK PEPERIKSAAN/BILIK MENUNGGU/BILIK UJIAN/BILIK KUARANTIN

- 2.1 Calon hendaklah berada di tempat duduk di dalam dewan/bilik peperiksaan **15 minit** sebelum peperiksaan dimulakan.
- 2.2 Calon hendaklah berada di Bilik Menunggu **10 minit** sebelum aktiviti di Bilik Menunggu dimulakan bagi Ujian Bertutur.
- 2.3 Calon hendaklah meletakkan **Kad Pengenalan** atau **Dokumen Pengenalan Diri** atau **Borang Pengenalan Diri Calon (LP/Am 118)** atau **Surat Perakuan Pengenalan Diri** di penjuru kanan sebelah label meja sepanjang waktu peperiksaan. Calon dilarang menduduki peperiksaan tanpa dokumen berkenaan.
- 2.4 Calon hendaklah mengemukakan Kad Pengenalan atau Dokumen Pengenalan Diri atau Borang Pengenalan Diri Calon (LP/Am 118) atau Surat Perakuan Pengenalan Diri apabila diminta oleh Pengawas semasa berada di Bilik Menunggu. Calon dilarang menduduki peperiksaan tanpa dokumen berkenaan
- 2.5 Calon dibenarkan menduduki peperiksaan atas budi bicara Ketua Pengawas Peperiksaan sekiranya tiba **30 minit selepas peperiksaan dimulakan**. Calon mesti mengemukakan alasan yang kukuh. Masa gantian tidak akan diberikan.
- 2.6 Calon boleh membuat bantahan sekiranya telah mendaftar untuk menduduki sesuatu mata pelajaran dalam tempoh pendaftaran tetapi kod kertas peperiksaan tersebut tidak tercatat dalam mana-mana dokumen rujukan calon. Calon hendaklah mengemukakan **Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan** dari Lembaga Peperiksaan yang mengandungi **kod kertas, nama kertas dan jenis peperiksaan SPMU 2022** sebagai bukti pendaftaran. Calon tidak dikenakan bayaran. Lembaga Peperiksaan berhak untuk tidak mengeluarkan keputusan calon sekiranya tiada bukti pendaftaran telah dilaksanakan.

3. ARAHAN TENTANG KERTAS PEPERIKSAAN

Calon hendaklah:

- 3.1 menyemak butiran kod kertas, nama kertas, masa peperiksaan dan arahan pada muka hadapan kertas peperiksaan bagi memastikan calon mendapat kertas peperiksaan yang betul.
- 3.2 memaklumkan kepada Ketua Pengawas Peperiksaan dengan segera jika menerima kertas peperiksaan yang **salah** atau **tidak lengkap**.

- 3.3 **membaca dan mematuhi semua arahan** pada muka hadapan dan muka belakang (jika ada) kertas peperiksaan sebelum peperiksaan dimulakan.

4. ARAHAN TENTANG KERTAS JAWAPAN DAN SKRIP JAWAPAN PEPERIKSAAN

Calon hendaklah:

- 4.1 menulis **Nombor Kad Pengenalan** atau **Nombor Pengenalan Diri, Angka Giliran** dan **Kod Kertas** dengan jelas dan betul pada muka hadapan skrip jawapan peperiksaan.
- 4.2 menyemak label dengan butiran maklumat diri dan peperiksaan pada muka hadapan skrip jawapan peperiksaan. Calon dilarang menulis atau membuat sebarang tanda pada label bermaklumat.
- 4.3 menulis jawapan pada **ruangan yang dibenarkan** dengan menggunakan pena mata bola berdakwat hitam atau biru. Pensel atau pena mata bola berdakwat selain hitam atau biru boleh digunakan untuk melukis gambar rajah dan peta. Calon dinasihatkan agar tidak menulis sebarang jawapan atau jalan kerja diluar ruangan yang ditetapkan.
- 4.4 menulis semua jawapan dalam Bahasa Melayu kecuali bagi kertas peperiksaan yang membenarkan atau memerlukan calon menjawab dalam bahasa lain.
- 4.5 menulis dengan jelas nombor soalan pada kertas jawapan seperti yang tertera pada kertas peperiksaan. Calon tidak perlu menyalin soalan.
- 4.6 memastikan **Angka Giliran, Nombor Kad Pengenalan** atau **Nombor Pengenalan Diri** dan **Nombor Soalan** telah ditulis dengan betul pada ruangan yang disediakan pada kertas peperiksaan dan kertas jawapan seperti Buku Jawapan Bermaklumat (BJB) apabila diarah berhenti menulis.
- 4.7 berada di tempat duduk yang ditetapkan semasa skrip jawapan peperiksaan dikumpul semula oleh Pengawas.

5. ARAHAN TENTANG JAWAPAN OBJEKTIF BERMAKLUMAT (JOB) DAN JAWAPAN OBJEKTIF TIDAK BERMAKLUMAT (JOTB)

- 5.1 Calon yang menerima kertas JOB hendaklah menyemak **Angka Giliran, Nombor Kad Pengenalan** atau **Nombor Pengenalan Diri, Kod Kertas** dan **Nama Kertas** pada kertas JOB berkenaan. Calon **dilarang** membuat sebarang pindaan terhadap maklumat yang telah dicetak pada Bahagian A dan B. Kosongkan Bahagian C, Bahagian D dan Bahagian E.
- 5.2 Calon hendaklah memaklumkan kepada Ketua Pengawas Peperiksaan dengan segera jika menerima kertas JOB yang **salah** atau **tidak lengkap**.
- 5.3 Calon yang menerima kertas JOTB hendaklah melengkapkan **Angka Giliran, Nombor Kad Pengenalan** atau **Nombor Pengenalan Diri, Kod Kertas** dan **Nama Kertas** pada ruangan yang disediakan dan hitamkan ruang yang berkenaan. Kosongkan Bahagian B, Bahagian C, Bahagian D dan Bahagian E.
- 5.4 Calon hendaklah menggunakan pensel 2B atau BB sahaja.

- 5.5 Calon hendaklah memastikan ruang jawapan yang dihitamkan memenuhi keseluruhan ruang.
- 5.6 Calon hendaklah menggunakan getah pemadam jenis lembut sahaja untuk memadamkan hingga bersih tanda jawapan yang tidak dikehendaki. Calon dilarang menggunakan pemadam jenis cecair, kimia, pelekat atau seumpamanya.
- 5.7 Calon dilarang melipat, menggulung atau merenyuk kertas JOB dan JOTB.
- 5.8 Calon dilarang membuat lubang atau apa-apa tanda yang tidak dikehendaki pada kertas JOB dan JOTB.

6. AMARAN DI DEWAN/BILIK PEPERIKSAAN

Calon tidak dibenarkan:

- 6.1 melipat atau merenyuk kertas jawapan sama ada yang belum atau pun yang telah digunakan.
- 6.2 keluar dari dewan/bilik peperiksaan 30 minit pertama peperiksaan dimulakan dan 10 minit terakhir sebelum peperiksaan ditamatkan kecuali dengan kebenaran Ketua Pengawas Peperiksaan.
- 6.3 membawa keluar dari dewan/bilik peperiksaan kertas peperiksaan sebelum peperiksaan tamat.
- 6.4 mengganggu ketenteraman di dalam atau berhampiran dewan/bilik peperiksaan semasa peperiksaan.
- 6.5 memakai pakaian yang tidak sopan dan mencolok mata.
- 6.6 merokok di dalam dewan/bilik peperiksaan.

7. LARANGAN DI DEWAN/BILIK PEPERIKSAAN/BILIK MENUNGGU/BILIK UJIAN/BILIK KUARANTIN

Calon dilarang:

- 7.1 membawa masuk sebarang catatan sama ada pada pakaian atau anggota badan, nota, dokumen seperti buku, lukisan, grafik, akhbar, kamus, kertas, Jadual Waktu Peperiksaan, Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan, telefon bimbit, alat-alat komunikasi atau peranti elektronik, bekas alat tulis dan beg ke dalam Dewan/Bilik Peperiksaan/Bilik Menunggu/Bilik Ujian/Bilik Kuarantin kecuali alat tambahan yang dibenarkan semasa peperiksaan.
- 7.2 membawa masuk sebarang alat tulis ke dalam Bilik Menunggu/Bilik Kuarantin bagi Ujian Bertutur.
- 7.3 menulis nota pada pakaian, anggota badan, dinding atau meja tulis di Dewan/Bilik Peperiksaan/Bilik Menunggu/Bilik Ujian/Bilik Kuarantin.

- 7.4 mendedahkan kertas peperiksaan atau/dan jawapan peperiksaan sehingga boleh dibaca oleh calon lain.
- 7.5 memberikan pertolongan, mendapatkan pertolongan, berhubung dengan orang lain di dalam atau di luar Dewan/Bilik Peperiksaan/Bilik Menunggu/Bilik Ujian/Bilik Kuarantin walau dengan apa cara sekalipun yang boleh disabitkan dengan perbuatan salah laku dalam peperiksaan.
- 7.6 menukar kertas peperiksaan atau/dan jawapan peperiksaan dengan calon lain.
- 7.7 menukar tempat duduk yang telah ditetapkan tanpa kebenaran daripada Ketua Pengawas Peperiksaan.
- 7.8 menyamar atau membenarkan orang lain menyamar bagi pihak calon.
- 7.9 membuat rujukan di luar dewan/bilik peperiksaan semasa peperiksaan.
- 7.10 membawa kertas peperiksaan keluar dari Dewan/Bilik Peperiksaan/Bilik Menunggu/Bilik Ujian/Bilik Kuarantin semasa peperiksaan.
- 7.11 membawa kertas/skrip jawapan peperiksaan sama ada yang belum atau pun yang telah digunakan keluar dari dewan/bilik peperiksaan.
- 7.12 membawa kertas peperiksaan tertutup keluar dari dewan/bilik peperiksaan.

8. PERINGATAN

Calon yang melanggar sebarang peraturan peperiksaan dalam Bahagian C, Perkara 7 Larangan di Dewan/Bilik Peperiksaan/Bilik Menunggu/Bilik Ujian/Bilik Kuarantin dianggap salah laku dan akan menyebabkan calon dikenakan tindakan tatatertib. Menurut Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penilaian dan Peperiksaan) 1997 dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) salah laku ertinya menipu, menyamar, menyeludup apa-apa yang tidak dibenarkan atau apa-apa salah laku yang lain yang disifatkan sebagai suatu salah laku serius oleh Lembaga Peperiksaan. Calon yang disabitkan dengan mana-mana salah laku boleh dikenakan tindakan berikut:-

- i. keputusan peperiksaan digantung sementara menunggu selesainya penyiasatan;
- ii. keputusan peperiksaan mana-mana kertas peperiksaan dibatalkan;
- iii. keputusan peperiksaan yang dikendalikan di sesuatu pusat peperiksaan diisytiharkan terbatal.

9. PERINGATAN - KESIHATAN

Calon adalah dinasihatkan:

- 9.1 sentiasa mematuhi saranan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam memastikan keselamatan dan kesihatan diri adalah pada tahap yang terkawal sebelum peperiksaan SPMU Tahun 2022 bermula; dan
- 9.2 sentiasa memantau tahap kesihatan sendiri dan mendapatkan nasihat pihak yang berwajib jika mendapati kesihatan sendiri tidak berada pada tahap terbaik.

BAHAGIAN D ARAHAN KHAS

KOD KERTAS DAN NAMA KERTAS	ARAHAN KHAS
1103/3 Bahasa Melayu Kertas 3 – Ujian Bertutur	A. Calon WAJIB menduduki semua kertas peperiksaan bagi mata pelajaran yang didaftar. B. Calon hendaklah menghubungi Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri untuk maklumat lanjut.
1103/4 Bahasa Melayu Kertas 4 – Ujian Mendengar	
Penggunaan Kalkulator	Calon dibenarkan mengguna kalkulator bagi Kertas Peperiksaan yang berkenaan.

JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA ULANGAN (SPMU) 2022
12 HINGGA 14 SEPTEMBER 2022

TARIKH	WAKTU			KOD KERTAS	NAMA KERTAS	MAKLUMAT PEPERIKSAAN
	CALON HADIR	KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN MEMBACAKAN ARAHAN	PEPERIKSAAN			
ISNIN 12 September 2022	8.45 pagi	8.50 pagi	9.00 pagi - 9.30 pagi 30 minit	1103/4	Bahasa Melayu Kertas 4 – Ujian Mendengar	<i>Bahan audio hendaklah dimainkan sehingga rakaman tamat sepenuhnya</i> <i>Calon menyemak butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan</i> <i>Semak label bermaklumat</i>
	10.15 pagi	10.20 pagi	10.30 pagi - 12.30 tengah hari 2 jam	1103/1	Bahasa Melayu Kertas 1	<i>Calon menyemak butiran pada muka hadapan Buku Jawapan Bermaklumat</i>
	1.45 tengah hari	1.50 tengah hari	2.00 petang - 4.30 petang 2 jam 30 minit	1103/2	Bahasa Melayu Kertas 2	<i>Calon menyemak butiran pada muka hadapan Buku Jawapan Bermaklumat</i>
SELASA 13 September 2022	7.45 pagi	7.50 pagi	8.00 pagi - 9.00 pagi 1 jam	1249/1	Sejarah (Aneka Pilihan) Kertas 1	<i>Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat</i>
	9.45 pagi	9.50 pagi	10.00 pagi - 12.30 tengah hari 2 jam 30 minit	1249/2	Sejarah Kertas 2	<i>Calon menyemak butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan</i> <i>Semak label bermaklumat</i>
				1103/3	Bahasa Melayu Kertas 3 – Ujian Bertutur	<i>Rujuk Jadual Sidang Ujian Bertutur berdasarkan sidang dan masa yang telah ditetapkan oleh SPP, JPN</i>
RABU 14 September 2022	7.45 pagi	7.50 pagi	8.00 pagi - 9.30 pagi 1 jam 30 minit	1449/1	Matematik (Aneka Pilihan) Kertas 1	<i>Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat</i>
	10.15 pagi	10.20 pagi	10.30 pagi – 1.00 tengah hari 2 jam 30 minit	1449/2	Matematik Kertas 2	<i>Calon menyemak butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan</i> <i>Semak label bermaklumat</i>
				1103/3	Bahasa Melayu Kertas 3 – Ujian Bertutur	<i>Rujuk Jadual Sidang Ujian Bertutur berdasarkan sidang dan masa yang telah ditetapkan oleh SPP, JPN</i>

**JADUAL WAKTU UJIAN BERTUTUR
1103/3 BAHASA MELAYU KERTAS 3
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA ULANGAN (SPMU) 2022
13 HINGGA 14 SEPTEMBER 2022**

TARIKH	AKTIVITI CALON/PETUGAS (TEMPAT)	SIDANG 1	SIDANG 2	SIDANG 3
SELASA 13 September 2022 HINGGA RABU 14 September 2022	CALON HADIR 10 MINIT LEBIH AWAL UNTUK LAPOR DIRI DAN PENGESAHAN KEHADIRAN OLEH PENGAWAS BILIK MENUNGGU			
	Taklimat Ringkas oleh Ketua Pentaksir Pusat Ujian (Bilik Menunggu)	7.50 pagi – 7.55 pagi	10.50 pagi – 10.55 pagi	2.20 petang – 2.25 petang
	Ujian mula – Ujian Bertutur Individu (Calon 1 - 4) (Bilik Ujian)	8.00 pagi – 8.20 pagi	11.00 pagi – 11.20 pagi	2.30 petang – 2.50 petang
	Persediaan bagi Ujian Bertutur Kumpulan (Calon 1 - 4) (Bilik Kuarantin)	8.20 pagi – 8.30 pagi	11.20 pagi – 11.30 pagi	2.50 petang – 3.00 petang
	Ujian mula – Ujian Bertutur Kumpulan (Calon 1 - 4)* (Bilik Ujian)	8.35 pagi – 8.50 pagi*	11.35 pagi – 11.50 pagi*	3.05 petang – 3.20 petang*
	Ujian mula – Ujian Bertutur Individu (Calon 5 - 8) (Bilik Ujian)	8.50 pagi – 9.10 pagi	11.50 pagi – 12.10 tengah hari	3.20 petang – 3.40 petang
	Persediaan bagi Ujian Bertutur Kumpulan (Calon 5 - 8) (Bilik Kuarantin)	9.10 pagi – 9.20 pagi	12.10 tengah hari – 12.20 tengah hari	3.40 petang – 3.50 petang
	Ujian mula – Ujian Bertutur Kumpulan (Calon 5 - 8)* (Bilik Ujian)	9.25 pagi – 9.40 pagi*	12.25 tengah hari – 12.40 tengah hari*	3.55 petang – 4.10 petang*

Nota: *Tamat tempoh Ujian dan calon dibenarkan meninggalkan tempat ujian.

**JADUAL MASA TAMBAHAN
CALON BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS**

Masa tambahan yang diperuntukkan ini adalah untuk semua jenis Kertas Peperiksaan Bertulis. Terdapat dua kategori masa tambahan bagi calon berkeperluan pendidikan khas iaitu Kategori A dan Kategori B.

Kategori A: Calon Masalah Pembelajaran, Kurang Upaya Penglihatan (Buta), Kurang Upaya Penglihatan (Rabun), Kurang Upaya Pelbagai dan Kurang Upaya Fizikal.

1. Calon kemalangan yang layak mendapat masa tambahan ialah calon yang tidak boleh menulis dengan tangan yang biasa digunakan untuk menulis.
2. Kecederaan lain boleh diberi pertimbangan atas nasihat Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri (u.p.: Sektor/Unit Pentaksiran dan Peperiksaan)

Bil.	Masa yang diperuntukkan dalam Jadual Waktu Peperiksaan	Masa tambahan yang diberi
1	1 jam atau kurang hingga 1 jam 30 minit	30 minit
2	Lebih 1 jam 30 minit hingga 2 jam 30 minit	1 jam
3	Lebih 2 jam 30 minit	1 jam 30 minit

Kategori B: Calon Kurang Upaya Pendengaran/Kurang Upaya Pertuturan

Bil.	Masa yang diperuntukkan dalam Jadual Waktu Peperiksaan	Masa tambahan yang diberi
1	1 jam	15 minit
2	1 jam 15 minit	20 minit
3	1 jam 30 minit	25 minit
4	1 jam 45 minit	30 minit
5	2 jam	30 minit
6	2 jam 15 minit	35 minit
7	2 jam 30 minit	40 minit
8	3 jam	45 minit

AMARAN PEPERIKSAAN/PENTAKSIRAN

Calon yang menduduki peperiksaan di dewan/bilik peperiksaan dilarang:

1. membawa masuk sebarang catatan sama ada pada pakaian atau anggota badan, nota, dokumen seperti buku, lukisan, grafik, akhbar, kamus, kertas, Jadual Waktu Peperiksaan, Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan, telefon bimbit, alat-alat komunikasi atau peranti elektronik, bekas alat tulis dan beg ke dalam dewan/bilik peperiksaan kecuali alat tambahan yang dibenarkan semasa peperiksaan.
2. menulis nota pada pakaian, anggota badan, dinding atau meja tulis di dewan/bilik peperiksaan.
3. mendedahkan kertas peperiksaan atau/dan jawapan peperiksaan sehingga boleh dibaca oleh calon lain.
4. memberikan pertolongan, mendapatkan pertolongan, berhubung dengan orang lain di dalam atau di luar dewan/bilik peperiksaan walau dengan apa cara sekalipun yang boleh disabitkan dengan perbuatan salah laku dalam peperiksaan.
5. menukar kertas peperiksaan atau/dan jawapan peperiksaan dengan calon lain.
6. menukar tempat duduk yang telah ditetapkan tanpa kebenaran daripada Ketua Pengawas Peperiksaan.
7. menyamar atau membenarkan orang lain menyamar bagi pihak calon.
8. membuat rujukan di luar dewan/bilik peperiksaan semasa peperiksaan.
9. membawa kertas/skrip jawapan peperiksaan keluar dari dewan/bilik peperiksaan.

Calon yang tidak mematuhi **Amaran Peperiksaan/Pentaksiran** dianggap telah melakukan salah laku dan akan menyebabkan calon dikenakan tindakan tatatertib. Menurut Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penilaian dan Peperiksaan) 1997 dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) salah laku ertinya menipu, menyamar, menyeludup apa-apa yang tidak dibenarkan atau apa-apa salah laku yang lain yang disifatkan sebagai suatu salah laku serius oleh Lembaga Peperiksaan. Calon yang disabitkan dengan mana-mana salah laku boleh dikenakan tindakan berikut:-

1. keputusan peperiksaan digantung sementara menunggu selesainya penyiasatan;
2. keputusan peperiksaan mana-mana kertas peperiksaan dibatalkan;
3. keputusan peperiksaan yang dikendalikan di sesuatu pusat peperiksaan diisytiharkan terbatal.

LEMBAGA PEPERIKSAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

BORANG PENGAKUAN CALON

1. NAMA CALON		
2. ANGKA GILIRAN		
3. NOMBOR KAD PENGENALAN		
4. PEPERIKSAAN		TAHUN
5. PENGAKUAN CALON Saya mengaku telah membaca dan akan mematuhi semua Amaran Peperiksaan/Pentaksiran seperti yang dinyatakan di atas. Tandatangan: Tarikh:		
6. PENGESAHAN PENGETUA/PEGAWAI JABATAN PENDIDIKAN NEGERI Tandatangan: Tarikh:		
NOTA: Borang Pengakuan Calon yang telah dilengkapkan hendaklah diserahkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri tempat calon mendaftar. Pihak Jabatan Pendidikan Negeri hendaklah menyimpan Borang Pengakuan Calon sehingga enam bulan selepas tarikh pengumuman keputusan peperiksaan.		